

Tiada lagi pekerja warga asing

KUALA LUMPUR - Lebih 1,500 pekerja warga asing berjaya dikeluarkan dari Pasar Borong Kuala Lumpur (PBKL) antara Mac hingga Disember 2020 menerusi program pemutihan yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Pengarah Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan DBKL, Khairul Anuar Mhd Juri berkata, tindakan itu dibuat menerusi pemerkasaan Undang-undang Kecil Pasar Borong (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2002 ketika penularan Covid-19.

Menurutnya, satu pasukan *task force* dibentuk khusus bagi memantau peniaga warga asing selain kawalan menerusi rakaman kamera litar tertutup (CCTV) bagi memastikan peraturan tersebut dipatuhi.

"Insya-ALLAH setakat kita maklum

tiada pekerja asing dalam PBKL.

"DBKL berusaha keras supaya tiada warga asing bekerja dalam PBKL. Mungkin ada yang membawa masuk (pekerja asing) secara curi-curi dan kadang kala perkara itu tidak boleh dielak.

"Namun, jika ada kita akan tangkap kemudian diberikan surat tunjuk kepada pemegang lesen dan ada kes yang lesen mereka dibatalkan," katanya selepas pelancaran buku Transformasi Pasar Borong Kuala Lumpur - Menjana Ekonomi Norma Baharu pada Selasa.

Buku tersebut menghimpunkan dokumentasi mengenai pengalaman pelaksanaan norma baharu di PBKL ketika pandemik.

Pelancarannya disempurnakan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah di Lobi Menara DBKL 1.



Mahadi (tengah)
melancarkan buku
Transformasi Pasar
Borong Kuala
Lumpur - Menjana
Ekonomi Norma
Baharu pada
Selasa.